

# 5,280 graduan dilahirkan UMS-KAL sejak 1999

NST 07-05-2019 4

OLEH JAINUDIN DJIMIN  
jainudin@newsabah-  
times.com.my

**LABUAN:** Seramai 5,280 graduan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antara-bangsa Labuan (UMS-KAL) berjaya memperolehi kejayaan sejak ia ditubuhkan pada tahun 1999.

“Mereka berjaya dalam bidang masing-masing dengan menjawat jawatan tinggi di sektor swasta dan kerajaan,” kata Pengarah UMS-KAL, Profesor Dr Shariff Abdul Kadir Omang Al-Haj.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Malam Bersama Media, UMS-KAL yang diadakan di Hotel Waterfront dekat sini, pada Sabtu.

Katanya, selepas beroperasi selama 12 tahun, UMS-KAL telah membantu menjana ekonomi tempatan dari segi pembangunan fizikal, pertambahan penduduk, industri pelancongan, perumahan, pengangkutan, telekomunikasi dan peluang kerjaya serta perniagaan dan kraftangan.

“Kewujudan UMS-KAL juga telah merubah landskap pembangunan Labuan apabila terbina padang golf 18 lubang yang bertaraf antarabangsa di Kiansam berhampiran dengan UMS-KAL dan ini sekaligus menjadikan UMS-KAL menjadi tarikan kepada pemain-pemain golf dari dalam dan luar negara” katanya.

Tambahnya, bagi meningkatkan prestasi dan kecemer-



**DIRAIKAN ...** Omar Sharif (lima, kiri), Mohd Taib (empat, kiri), Ramlah (dua, kiri) bersama pengamal media yang dirakan dalam majlis Malam Bersama Media, UMS-KAL di Hotel Waterfront Labuan, pada Sabtu.

langan UMS-KAL di mata dunia, Kementerian Pengajian Tinggi telah meluluskan peruntukan yang besar bagi membina projek pasarana untuk kemudahan mahasiswa, pensyarah dan kakitangan.

“Antara projek tersebut ialah pembinaan sebuah dewan kuliah pusat, menaik taraf kolej kediaman pelajar, membina laluan berbumbung, menaik taraf kemudahan sukan dan menaik taraf bilik kuliah” katanya.

Ketika ini katanya, terdapat kira-kira 2,100 mahasiswa termasuk 176 pelajar antarabangsa dari China, Timur Tengah, Turki dan Tanzania serta

enam orang pensyarah daripada Bangladesh dan seorang pensyarah dari Negara Jepun.

Menyentuh mengenai majlis itu, beliau berharap jalinan kerjasama yang terjalin erat dengan pengamal media di sini akan dapat diteruskan dari masa ke semasa.

Katanya, komitmen dan penglibatan media menjayakan aktiviti UMS-KAL telah berjaya membantu mempromosi dan memperkenalkan UMS-KAL ke seluruh pelusuk negara terutamanya di Semenanjung, Sabah dan Sarawak selain Wilayah Persekutuan Labuan sendiri.

“Saya yakin dengan sum-

ban yang tidak ternilai harganya daripada pihak media itu nama dan imej UMS-KAL sebagai satu-satunya Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Wilayah Persekutuan Labuan akan terus dikenali oleh rakyat Malaysia” katanya.

Hadir sama di majlis itu, Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia, yang juga Penasihat Persatuan Penggiat Media Labuan, Mohd Taib Ubah, Pengarah Jabatan Penyiaran Malaysia Labuan, Ramlah Johari, Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah dan Pengerusi Persatuan Penggiat Media Labuan, Jainudin Djimin.